



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

Berita
Online

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 2 OKTOBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Minda Pengarang

MOHD. SHARIZA ABDULLAH



Kongsilah rezeki niaga, ramai cari set hidangan RM5

SEMASA diperkenal pada 31 Januari tahun lalu, dilaporkan lebih 15,000 restoran memberi komitmen menyediakan Menu Rahmah di premis masing-masing. Menerusi inisiatif ini, golongan B40 boleh mendapatkan menu bersama RM5 bagi hidangan tengah hari atau makan malam.

Objektifnya adalah mengurangkan beban kos sara hidup rakyat melibatkan makanan siap dimasak yang dijual pada harga murah. Walaupun murah, lazimnya syarat sajian hidangan dalam Menu Rahmah terdiri daripada gizi sembahang seperti karbohidrat, protein dan serat.

Sejak awal pelancarannya, inisiatif Menu Rahmah sudah menjadi perdebatan. Ada yang sinis selama mana ia mampu bertahan. Ada juga menyuarakan kebingungan penyediaan makanan berharga rendah menyebabkan golongan kurang berkemampuan mendapat hidangan bermutu rendah.

Pendapat lain pula mengatakan fokus sepaututnya dalam kawalan harga barang, bukan dalam bentuk penyediaan makanan siap dimasak. Di sebalik pertikaihan ini, pengenalan Menu Rahmah tetap mendapat sambutan dari menjadi popular dalam kalangan masyarakat khususnya yang ingin berjimat-cermat.

Ia memberi kelegaan kepada mereka yang terpaksa berbelanja di pasar akibat kekangan masa. Sedikit sebanyak ia sememangnya membantu meringankan beban penduduk khasnya di ibu kota dan penuntut institusi pengajian tinggi.

Namun, selepas kira-kira 20 bulan diperkenal, inisiatif ini dikatakan menjadi 'dingin' dan semakin dilupakan. Sebahagian pemangku terlibat memilih tidak meneruskan penyediaan set makanan serendah RM5 itu atas faktor tidak mampu menganggung kris bahan mentah yang tinggi.

Sebenarnya, situasi ini cuba ditangani kerajaan dari awal dengan mengeluarkan Kad Diskaun Khas Menu Rahmah pada November tahun lalu. Pemegang kad boleh membeli barang mentah dengan diskain 40 peratus di pasar caca terpilih, sekali gus merangurangkan beban peniaga yang berdepan ke-naikan harga barang.

Bagaimanapun, pengeluaran kad diskain ini masih mempunyai kelemahan. Ada peniaga mendakwa mereka sukar memperolehnya. Proses pendaftarnya dikatakan menjadi lambat kerana terdapat syarat naziran yang agak kompleks.

Sehingga Mei lalu, dilaporkan setakat 2,800 pengusaha yang menawarkan Menu Rahmah di premis mereka sebelum ini akan mendapat Kad Diskaun Khas Menu Rahmah secara automatik manakala proses pendaftaran yang baharu disepat.

Ia adalah usaha berterusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) bagi menggalakkan lebih ramai peniaga menawarkan Menu Rahmah. Kerajaan turut mempromosikan kompeni Peniaga 1 Menu Rahmah bagi menggalakkan lebih ramai pengusaha restoran dan makanan untuk bersama-sama usaha ketajaan menangani isu kos sara hidup di bawah inisiatif Payung Rahmah.

Justeru, Kad Diskaun Khas Menu Rahmah dan kompeni 1 Peniaga 1 Menu Rahmah menjadi 'talian hayat' bagi memastikan inisiatif Menu Rahmah kekal bertahan dan kembali 'subur'. Kewujudannya bergantung kepada sambutan dan sokongan pengusaha kedai makan dan persatuan restoran. Ini memandangkan Menu Rahmah adalah inisiatif dipelopori syarikat swasta secara sukarela dengan sokongan KPDN.

Walaupun inisiatif dan laluan sudah ada, ia tetap memerlukan komitmen peniaga untuk terus berkongsi rezeki dengan bersama-sama membantu rakyat kurang berkemampuan mengisi perut menerusi hidangan lengkap pada harga murah milik.

Mohd. Shariza Abdullah ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

Harga beras import turun selepas 3 bulan

Penurunan hanya boleh dilakukan setelah beras lama habis, stok baharu masuk

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI
SHAH ALAM



Laporan *Sinar Harian* pada Isnin.

Harga beras import se-wajarnya diturunkan susulan pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) kebelakangan ini.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Armeer Ali berkata, bagaimanapun lazimnya penurunan itu hanya boleh dilakukan setelah kemasukan stok baharu dalam tempoh dua atau tiga bulan lagi.

"Kita sedia maklum pihak Padiberas Nasional Berhad (Bernas) menyimpan stok beras import dalam jumlah tertentu untuk menampung permintaan dalam negara.

"Jadi ia akan mengambil masa dua hingga tiga bulan untuk beras lama habis dan beras baharu masuk," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Menurutnya, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) diharap dapat memantau dan berbincang dengan

Bernas untuk menurunkan harga beras berkenaan.

"Untuk ketika ini rakyat perlu bersabar dahulu dan setelah kemasukan stok baharu, pihak berwajib akan membuat penetapan harga baharu," jelasnya.

AMEER



Sinar Harian pada Isnin melaporkan Ketua Kluster

Makanan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, harga beras import seharusnya menurun susulan pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar AS.

Bagaimanapun katanya, keadaan tersebut tidak berlaku ketika ini.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 2 OKTOBER 2024

| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
|--------|---|---|---------------|
| 2-Oct | 32 syarikat diambil tindakan | https://www.hmetro.com.my/utama/2024/10/1139504/32-syarikat-diambil-tindakan | HARIAN METRO |
| 2-Oct | Orang kita bantu sindiket seleweng minyak masak | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1139520/orang-kita-bantu-sindiket-seleweng-minyak-masak | HARIAN METRO |
| 2-Oct | Sorok minyak RM15 juta! | https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2024/09/1139210/sorok-minyak-rm15-juta | HARIAN METRO |
| 2-Oct | KPDN sasar 657 siri tambahan PJR di Sabah | https://www.dailyexpress.com.my/news/242995/kpdn-sasar-657-siri-tambahan-pjr-di-sabah | DAILY EXPRESS |
| 2-Oct | Rupanya ini sebab kenapa minyak masak paket susah nak jumpa di pasar raya | https://beritaperak.com/sebab-minyak-masak-paket/ | BERITA PERAK |
| 2-Oct | Ujian poligraf siasat kes rasuah | https://www.sinarharian.com.my/article/688517/berita/semasa/ujian-poligraf-siasat-kes-rasuah | SINAR HARIAN |
| 2-Oct | 32 syarikat diambil tindakan | https://www.hmetro.com.my/utama/2024/10/1139504/32-syarikat-diambil-tindakan | HARIAN METRO |